

Utusan 23/10/2014

Kolej kediaman UTHM di Parit Raja

BATU PAHAT 22 Okt.

Peningkatan jumlah penuntut di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di sini dari tahun ke tahun amat dibimbangi pihak pengurusannya berikutan masalah kekurangan penempatan pelajar di universiti itu.

Justeru itu, pembinaan sebuah lagi kolej kediaman di Parit Raja, Sri Gading oleh UTHM Holdings Sdn. Bhd., bersama UTEN Holdings Sdn. Bhd., di sini sudah tentu dapat mengurangkan kekangan itu biarpun tidak dapat menyelesaikan secara keseluruhan.

Naib Canselor UTHM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin berkata, pembinaan 417 unit pangaspuri yang mampu menampung sehingga 5,000 orang itu secara tidak langsung meningkatkan jumlah penuntut yang tinggal di asrama universiti.

“Daripada jumlah keseluruhan 16,127 penuntut UTHM ketika ini, 42 peratus atau 6,751 daripadanya tinggal di asrama manakala selebihnya di rumah-rumah sewa sekitar universiti.

“Namun, pembinaan yang dijangka siap pertengahan tahun depan itu masih tidak menyelesaikan sepenuhnya masalah kediaman penuntut tetapi kita berharap pembinaan kolej baharu ini dapat direalisasikan sementara kita mencari jalan untuk menambah lagi bilangannya kelak,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam majlis pecah tanah Projek Pembangunan Kolej Kediaman Berkelompok 417 unit apartment dan lain-lain kemudahan yang dirasmikan oleh Ahli Parlimen Sri Gading, Datuk Aziz Kaprawi di sini baru-baru ini.

Sementara itu, Aziz berkata, pembinaan kolej kediaman tersebut akan membantu meningkatkan kegiatan ekonomi di pekan terbabit sekali gus berupaya meningkatkan taraf pendapatan penduduk.